



Bersama
Prof Dr Taufiq
Yap Yun Hin

Pesta Kuih Bulan atau dikenali sebagai Pesta Tanglung adalah perayaan kedua terpenting bagi masyarakat Cina selepas Tahun Baru Cina.

Perayaan berusia lebih 3,500 tahun itu disambut setiap tahun pada hari ke-15 bulan ke-8 mengikut kalendar Lunar Cina.

Pada tahun ini, ia jatuh pada 4 Oktober dan pesta itu membawa makna perjumpaan ahli keluarga dan keamanan.

Ia juga dinamakan Pesta Bulan kerana dipercayai bulan adalah penuh dan paling besar. Masyarakat Cina dan Cina Muslim Malaysia turut menganjurkan pesta Tanglung.

Pada 30 September lalu, Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) cawangan Ipoh, Pahang dan Selangor menganjurkan serentak perayaan berkenaan.

Perayaan disambut dengan kuih bulan yang mempunyai pelbagai inti seperti lotus dan telur kuning masin manakala

kanak-kanak pula bermain tanglung pelbagai warna diperbuat daripada kertas, lilin atau elektronik.

Kreativiti dan inovasi masyarakat Cina Malaysia membuat kuih bulan mengikut selera masyarakat tempatan dengan menggunakan inti durian, coklat, keladi, lotus pandan dan kekacang.

Malah, ada yang mempunyai dua atau empat biji telur kuning masin. Bagaimanakah perayaan ini bermula dan mengapa kuih bulan begitu sinonim dengan perayaan ini?

Adat dan budaya tradisi masyarakat Cina di seluruh dunia hari ini berdasarkan peristiwa sejak ribuan tahun dulu iaitu berdasarkan kejadian membabitkan krisis atau perselisihan besar.

Pesta Kuih Bulan dirayakan sebagai memperingati kejayaan pemberontakan menggulingkan Dinasti Yuan (1271-1368).

Ia adalah dinasti asing dari luar China pertama memerintah China. Mongol beberapa kali menyerang

Pesta Tanglung pererat silaturahmi



PELBAGAI jenis tanglung yang dijual untuk Pesta Tanglung. - Gambar hiasan

dan ingin menguasai China sejak zaman purba lagi namun hanya berjaya apabila Dinasti Yuan berada di bawah pimpinan Maharaja Mongol iaitu Kublai Khan yang berjaya mengalahkan Dinasti Song (960-1279).

Kublai Khan adalah cucunda pengasas Empayar Mongol iaitu Genghiz Khan. Sepupu beliau, Hulagu Khan berjaya mengalahkan Empayar Abbasiyah di Kota Baghdad.

Kublai Khan membentuk order sosial baru yang memihak kepada Mongol dan Asia Tengah dengan orang Cina di kedudukan di bawah sekali.

Ketika pemerintahan

Mongol, berlaku penindasan ke atas orang Cina dengan larangan memiliki senjata awam, mengenakan cukai yang tinggi dan pengurusan tanah lemah sehingga menyebabkan hasil tanaman rendah.

Pengawal Mongol ditempatkan di luar rumah orang Cina. Hanya satu pisau saja dibenarkan digunakan ketika memasak untuk setiap 10 keluarga Cina dan akan diambil selepas itu.

Keluarga Cina juga mesti memberi makanan dan minuman kepada pengawal Mongol termasuk anak perempuan mereka. Orang Cina tidak dibenarkan

menggunakan buluh yang boleh digunakan untuk membuat busur dan anak panah.

Pemberontakan bermula apabila Liu Bowen iaitu orang kepercayaan pemimpin pemberontak, Zhu Yuanzhang bercadang melancarkan pemberontakan pada pertengahan pesta musim luruh.

Zhu mendapat keizinan mengedarkan ribuan kuih bulan kepada penduduk Cina di ibu kota Mongol untuk doa panjang umur Maharaja Mongol.

Di dalam kuih itu ada sekeping kertas berbunyi 'Bunuh Mongol pada hari ke-15 bulan ke 8.'

Perancangan itu berjaya kerana orang Mongol tidak makan kuih bulan dan pemerintahan Mongol digulingkan dan mereka pun kembali ke Mongolia.

Selepas itu Zhu mengasaskan Dinasti Ming (1368-1644). Dalam mesyuarat Panel Syariah JAKIM ke-89 yang bersidang pada 29 September hingga 1 Oktober 2015 membuat keputusan, hukum apa-apa aktiviti membabitkan penggunaan tanglung adalah harus dengan syarat tiada unsur pemujaan dan ritual agama dan kaitan kepercayaan bercanggah dengan syarak.

Masyarakat Cina Muslim Malaysia merayakan Pesta Tanglung sebagai sebahagian daripada budaya yang dapat mengeratkan lagi silaturahmi sesama keluarga atau masyarakat Islam dan bukan Islam.

Ini juga dapat melihat kesejagatan Islam meraikan kepelbagaian bangsa dan budaya.

Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan profesor di Universiti Putra Malaysia (UPM)